



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 3 TAHUN 2024 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PROSEDUR PENGEMUKAAN BORANG NYATA TERPINDA

1. Pengenalan

- 1.1** Seksyen 77B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) / seksyen 30B Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP 1967) membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata (BN) / Borang Nyata Cukai Petroleum Produksi (BN CPP) yang telah dikemukakan dengan menggunakan Borang Nyata Terpinda (BNT).
- 1.2** Mulai Tahun Taksiran (TT) 2023, peruntukan baharu seksyen 30C APCP 1967 membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri ke atas maklumat dalam Borang Nyata Cukai Petroleum Eksplorasi (BN CPE) yang dikemukakan berdasarkan peruntukan subseksyen 30A(1) APCP 1967 dengan mengemukakan BNT.
- 1.3** Mulai 1 Januari 2024, pembayar cukai Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), Badan Amanah dan Koperasi termasuk entiti Labuan (Syarikat Labuan, Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan, Yayasan dan Amanah Labuan) yang menerima laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal adalah tertakluk kepada cukai keuntungan modal (CKM) di bawah ACP 1967. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan BN CKM dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan aset modal di bawah peruntukan seksyen 77A(1B).

Selaras dengan itu, seksyen 77B ACP 1967 juga telah dipinda bagi membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata Cukai Keuntungan Modal (BN CKM) yang telah dikemukakan dengan menggunakan BNT.

2. Pengemukaan BNT

2.1 Peraturan

2.1.1 Kategori pembayar cukai layak mengemukakan BNT adalah seperti berikut:

- i. Pembayar cukai kategori selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi di bawah seksyen 77(1) ACP 1967 yang layak mengemukakan BNT di bawah seksyen 77B ACP 1967 adalah seperti berikut:

Pembayar Cukai	Jenis Fail	BN	BNT
Individu Pemastautin – Tidak Menjalankan Perniagaan	IG	BE	BNT BE
Individu Pemastautin – Menjalankan Perniagaan		B	BNT B
Individu Pemastautin – Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran / Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama		BT	BNT BT
Individu Bukan Pemastautin		M	BNT M
Individu Bukan Pemastautin – Pekerja Berpengetahuan		MT	BNT MT
Harta Pusaka	TP	TP	BNT TP
Pertubuhan	F	TF	BNT TF
Keluarga Sekutu Hindu	J	TJ	BNT TJ

- ii. Pembayar cukai kategori syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi di bawah seksyen 77A(1) ACP 1967 yang layak mengemukakan BNT di bawah seksyen 77B ACP 1967 adalah seperti berikut:

Pembayar Cukai	Jenis Fail	BN	BNT
Syarikat	C	C	BNT C
Perkongsian Liabiliti Terhad	PT	PT	BNT PT
Koperasi	C1	CS	BNT CS
Badan Amanah	TA	TA	BNT TA

Pembayar Cukai	Jenis Fail	BN	BNT
Unit Amanah / Amanah Harta Tanah	TC	TC	BNT TC
Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta	TR	TR	BNT TR
Amanah Perniagaan	TN	TN	BNT TN
Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Koperasi dan Badan Amanah (termasuk entiti Labuan yang memilih atau tertakluk kepada ACP 1967)	C/PT/C1/TA/ TC/TR/ TN/LE	CKM	BNT CKM

- iii. Pembayar cukai yang menjalankan operasi petroleum layak untuk mengemukakan BNT di bawah seksyen 30B dan seksyen 30C APCP 1967 seperti berikut:

Pembayar Cukai	Jenis Fail	BN	BNT
OBD di Peringkat Produksi	PP	CPP	BNT CPP
OBD di Peringkat Eksplorasi		CPE	BNT CPE

2.1.2 Pembayar cukai / OBD dibenarkan untuk membuat pindaan sendiri dengan melaporkan maklumat tambahan dan meminda taksiran dalam BN / BN CKM / BN CPP berhubung dengan:

- pendapatan terkurang lapor / tidak lapor; atau
- perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntut; atau
- elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih tuntut.

2.1.3 OBD di peringkat eksplorasi pula dibenarkan untuk membuat pindaan sendiri ke atas maklumat perbelanjaan eksplorasi dalam BN CPE berhubung dengan operasi petroleum dalam tempoh eksplorasi.

2.1.4 Pindaan BNT di bawah seksyen 77B ACP 1967 / seksyen 30B APCP 1967 tidak dibenarkan sekiranya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah membuat taksiran pindaan di bawah peruntukan:

- ~ seksyen 91 ACP 1967 dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh yang ditetapkan ACP 1967 bagi pengemukaan BN; atau
- ~ seksyen 39 APCP 1967.

2.1.5 Pindaan melalui BNT (selain BNT CKM) hanya boleh dikemukakan sekali sahaja bagi suatu tahun taksiran. Manakala pindaan melalui BNT CKM hanya boleh dikemukakan sekali sahaja bagi setiap pelupusan dalam suatu tahun taksiran.

2.2 Syarat -syarat

2.2.1 Pembayar cukai layak mengemukakan BNT sekiranya:

- i. BN / BN CKM / BN CPP / BN CPE telah dikemukakan dalam tempoh seperti ditetapkan (rujuk contoh di Jadual 1); dan
- ii. BN / BN CKM / BN CPP / BN CPE tiada kesilapan pengiraan / aritmetik *.
- iii. BNT dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

* aritmetik adalah merujuk kepada logik nombor yang melibatkan proses tambah, tolak, bahagi, dan darab.

2.2.2 Tempoh pengemukaan BNT (rujuk contoh di **Jadual 1**):

BNT / BNT CKM / BNT CPP / BNT CPE hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir pengemukaan BN / BN CKM / BN CPP / BN CPE.

Bagi pembayar cukai yang mengemukakan BN / BN CKM / BN CPP / BN CPE dalam tempoh tambahan masa / lanjutan masa, BN tersebut dianggap diterima di dalam tempoh yang ditetapkan di bawah ACP 1967 / APCP 1967 dan pembayar cukai adalah layak untuk mengemukakan BNT.

Walau bagaimanapun, pengiraan tempoh enam (6) bulan yang dibenarkan bagi pengemukaan BNT / BNT CKM / BNT CPP / BNT CPE, diambil kira mulai dari tarikh akhir BN / BN CKM / BN CPP / BN CPE yang ditetapkan berdasarkan peruntukan seksyen 77 dan 77A ACP 1967 / seksyen 77A(1B) ACP 1967 / seksyen 30(1) APCP 1967 / seksyen 30A(1) APCP 1967.

Jadual 1 : Tarikh akhir pengemukaan BN dan BNT mengikut kategori pembayar cukai

- i. Contoh pengemukaan BNT bagi BN di bawah subseksyen 77(1) dan subseksyen 77A(1) APCP 1967 :

TAHUN TAKSIRAN 2023		
Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Ditetapkan Bagi Pengemukaan BN	Tempoh Bagi Pengemukaan BNT
Individu, Harta Pusaka, Pertubuhan Dan Keluarga Sekutu Hindu – Tidak Menjalankan Perniagaan (Borang BE, B, BT, M, MT, TP, TF dan TJ).	30 April 2024	1 Mei 2024 hingga 31 Oktober 2024
Individu, Harta Pusaka, Pertubuhan Dan Keluarga Sekutu Hindu - Menjalankan Perniagaan (Borang B, BT, M, MT, TP, TF dan TJ).	30 Jun 2024	1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024
Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah dan Koperasi (Borang C, PT, TA, TC, TR ,TN dan CS) yang menutup akaun pada 31 Disember 2023.	31 Julai 2024 (7 bulan dari tarikh tutup akaun)	1 Ogos 2024 hingga 31 Januari 2025

- ii. Contoh pengemukaan BNT CKM bagi BN CKM di bawah subseksyen 77A(1B) APCP 1967:

TAHUN TAKSIRAN 2024		
Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Ditetapkan Bagi Pengemukaan BN CKM	Tempoh Bagi Pengemukaan BNT CKM
Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah dan Koperasi (termasuk entiti Labuan yang memilih atau tertakluk di bawah ACP 1967) (Borang CKM - bagi pelupusan aset modal mulai 1 Mac 2024).	60 hari dari tarikh pelupusan aset modal	Dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi pengemukaan BN

- iii. Contoh pengemukaan BNT CPP bagi BN CPP di bawah subseksyen 30(1) APCP 1967:

TAHUN TAKSIRAN 2023		
Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Ditetapkan Bagi Pengemukaan BNP CPP	Tempoh Bagi Pengemukaan BNT CPP
OBD dengan akaun berakhir 31 Disember 2023	31 Julai 2024 (7 bulan dari tarikh tutup akaun)	1 Ogos 2024 hingga 31 Januari 2025

- iv. Contoh pengemukaan BNT CPE bagi BN CPE di bawah subseksyen 30(1) APCP 1967:

TAHUN TAKSIRAN 2023		
Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Ditetapkan Bagi Pengemukaan BNP CPE	Tempoh Bagi Pengemukaan BNT CPE
OBD dengan akaun berakhir 31 Disember 2023.	31 Julai 2024 (7 bulan dari tarikh tutup akaun)	1 Ogos 2024 hingga 31 Januari 2025

- 2.2.3 BNT / BNT CPP yang lengkap di bawah seksyen 77B ACP 1967 / seksyen 30B APCP 1967 hendaklah:-
- menyatakan amaun / amaun tambahan pendapatan bercukai dan amaun cukai / cukai tambahan atas pendapatan bercukai;
 - menyatakan amaun cukai yang kena dibayar atas cukai yang tersilap atau tersilap dibayar balik;
 - menyatakan jumlah kenaikan seperti ditentukan mengikut subseksyen 77B(4) ACP 1967 / subseksyen 30B(4) APCP 1967; atau
 - mengandungi maklumat lain seperti dikehendaki oleh KPHDN.

- 2.2.4 BNT CPE yang lengkap di bawah subseksyen 30C APCP 1967 hendaklah:-
- Menyatakan amaun tambahan perbelanjaan yang dilakukan oleh orang boleh dikenakan cukai (OBD); atau mengandungi maklumat lain seperti yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
 - Pindaan amaun untuk pelarasan dan amaun sebenar bawa hadapan yang melibatkan perbelanjaan yang layak (PEYL) di ruang A1b, A1c, A2b dan A2c BNT CPE untuk tahun ke belakang hanya dibenarkan ke atas BN CPE yang dikemukakan dalam tahun 2022 selaras dengan tarikh kuat kuasa seksyen 30C APCP 1967 iaitu mulai tahun taksiran (TT) 2023 (Tahun taksiran 2023 adalah merujuk kepada tahun taksiran BN CPP).
 - Mulai tahun 2023, pindaan hanya dibenarkan ke atas perbelanjaan yang layak dalam tempoh eksplorasi bagi amaun tahun semasa sahaja.

- 2.2.5 BNT yang dikemukakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 77B ACP 1967 / seksyen 30B APCP 1967 akan diterima mengikut peruntukan di bawah seksyen 91A ACP 1967 / seksyen 39A APCP 1967 :
- Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) disifatkan telah membuat taksiran asal atau taksiran tambahan pada tarikh BNT dikemukakan;
 - BNT yang dikemukakan adalah disifatkan sebagai notis taksiran asal atau taksiran tambahan; dan
 - Notis taksiran asal atau taksiran tambahan berkenaan adalah disifatkan telah disampaikan pada tarikh BNT dikemukakan.

- 2.2.6 Pembayar cukai tidak layak mengemukakan BNT sekiranya KPHDN telah membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan berdasarkan peruntukan seksyen 91 ACP 1967 / seksyen 39 APCP 1967 dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir

pengemukaan BN.

- 2.2.7 Sekiranya pembayar cukai tidak memenuhi syarat - syarat pengemukaan BNT , pindaan masih boleh dilakukan melalui pengakuan sukarela secara bertulis atau media elektronik pada bila-bila masa sebelum tindakan audit bermula.

Walau bagaimanapun, pindaan tersebut adalah tertakluk kepada Rangka Kerja Audit Cukai yang berkuat kuasa.

2.3 Kaedah pengemukaan

- 2.3.1 BNT berserta nota panduan boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM di <https://www.hasil.gov.my> > Borang > Muat Turun Borang untuk rujukan / pengemukaan.

- 2.3.2 Kaedah pengemukaan BNT mengikut kategori borang adalah seperti berikut:

- i. Pengemukaan BNT bagi BN di bawah subseksyen 77(1):

Peruntukan Akta	Jenis Fail	Jenis Borang BNT	Kaedah Pengemukaan BNT
Subseksyen 77(1)	IG	BE	Melalui Pos / Serahan Tangan
		B	
		BT	
		M	
		MT	
	TP	TP	
	F	TF	
	J	TJ	

Nota : Pengemukaan BNT kertas bagi kategori Individu, Harta Pusaka, Pertubuhan Dan Keluarga Sekutu Hindu adalah dibenarkan sehingga kemudahan e-Filing BNT disediakan atau diwajibkan di bawah ACP 1967.

ii. Pengemukakan BNT bagi BN di bawah subseksyen 77A(1) ACP 1967 :

Peruntukan Akta	Jenis Fail	Jenis Borang BNT	Kaedah Pengemukakan BNT			
			Sehingga TT 2023		Mulai TT 2024	
			e-Filing	Melalui Pos / Serahan Tangan	e-Filing	Melalui Pos / Serahan Tangan
Subseksyen 77A(1)	C	C	✓	✓	✓	
	CS	C1		✓	✓	
	PT	PT		✓	✓	
	TA	TA		✓	✓	
	TC	TC		✓	✓	
	TR	TR		✓	✓	
	TN	TN		✓		✓

Nota: BNT syarikat (C), Perkongsian Liabiliti Terhad (PT), Badan Amanah (TA, TC dan TR) dan Koperasi (CS) wajib dikemukakan secara e-Filing mulai TT 2024 mengikut peruntukan subseksyen 77B(1A) ACP 1967.

iii. Pengemukakan BNT bagi BN di bawah subseksyen 77A(1B) ACP 1967 :

Peruntukan Akta	Jenis Fail	Jenis Borang BNT	Kaedah Pengemukakan BNT
Subseksyen 77A(1B)	C / PT / TA / TC / TR / TN / CS	CKM	e-Filing

Nota: BNT CKM kategori Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah dan Koperasi (termasuk entiti Labuan yang memilih atau tertakluk kepada ACP 1967) wajib dikemukakan secara e-Filing mulai 1 Mac 2024 mengikut peruntukan subseksyen 77B(1B) ACP 1967.

iv. Pengemukakan BNT CPP di bawah subseksyen 30B APCP 1967 dan BNT CPE di bawah subseksyen 30C APCP 1967:

Peruntukan Akta	Jenis Fail	Jenis Borang BNT	Kaedah Pengemukakan BNT
Subseksyen 30(1)	PP	BNT CPP	e-Filing
Subseksyen 30A(1)	PP	BNT CPE	Melalui Pos / Serahan Tangan

Nota :

- BNT CPP wajib dikemukakan secara e-Filing mulai tahun taksiran 2023 mengikut peruntukan subseksyen 30B(1A) APCP 1967.
- Pengemukakan BNT CPE kertas adalah dibenarkan sehingga kemudahan e-Filing BNT CPE disediakan atau diwajibkan di bawah APCP 1967.

2.3.3 Tertakluk perenggan 2.3.2, bagi pengemukakan menggunakan BNT kertas, BNT yang lengkap dan telah ditandatangani hendaklah dikemukakan ke LHDNM Negeri atau Cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai.

2.4 Contoh pengiraan cukai / cukai tambahan dan kenaikan cukai

Pengemukakan BNT dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir ditetapkan ACP 1967 bagi pengemukakan BN

	Cukai kena dibayar	50,000.00
	Tolak:	
	Cukai dahulunya kena dibayar	40,000.00
A	Cukai / Cukai tambahan dikenakan	10,000.00
B	Borang nyata terpinda yang dikemukakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukakan BN (A x 10%)	1,000.00
	Jumlah cukai kena dibayar (A + B)	11,000.00

Pengemukakan BNT CPP dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir ditetapkan APCP 1967 bagi pengemukakan BNP CPP

	Cukai kena dibayar	52,000,000.00
	Tolak:	
	Cukai dahulunya kena dibayar	50,000,000.00
A	Cukai / Cukai tambahan dikenakan	2,000,000.00
B	Borang nyata terpinda yang dikemukakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir pengemukakan BNP (A x 10%)	200,000.00
	Jumlah cukai kena dibayar (A + B)	2,200,000.00

2.5 Cukai kena dibayar

2.5.1 Cukai kena dibayar (cukai / cukai tambahan termasuk kenaikan cukai) hendaklah dijelaskan pada tarikh BNT (selain BNT CPE) dikemukakan.

2.5.2 Pindaan melalui BNT juga tertakluk kepada kenaikan cukai 10% di bawah subseksyen 107B(4) / subseksyen 107C(10) ACP 1967 / subseksyen 49A(12) APCP 1967 jika terdapat perbezaan yang melebihi 30% di antara cukai sebenar mengikut BNT dengan anggaran cukai asal / anggaran cukai dipinda.

Contoh: Tertakluk kepada subseksyen 107C(10) ACP 1967 selepas BNT dikemukakan.

Cukai asal : RM5,000,000.00 (A)		
Anggaran cukai asal : RM4,000,000.00 (B)		
Perbezaan antara cukai asal dengan anggaran asal (A – B) = RM1,000,000.00		
Tidak tertakluk kepada subseksyen 107C(10) ACP 1967 kerana $1,000,000 / A = 20\%$		
C	Cukai kena dibayar (tidak ambil kira kenaikan cukai subseksyen 77B ACP 1967)	RM 7,000,000.00
	Tolak: Anggaran cukai asal (B)	4,000,000.00
D	Perbezaan di antara cukai kena dibayar (cukai sebenar mengikut BNT) dengan anggaran cukai asal (C – B)	3,000,000.00
<i>Nota: Tertakluk kepada subseksyen 107C(10) ACP 1967 kerana $3,000,000 (D) / 7,000,000 (C) = 43\%$ iaitu melebihi 30%</i>		
E	30% daripada cukai kena dibayar ($30\% \times C$)	2,100,000.00
F	Perbezaan (D – E)	900,000.00
	Kenaikan cukai subseksyen 107C(10) ACP 1967 [F x 10%]	90,000.00

3. Rayuan Ke Atas Taksiran BNT

Di bawah seksyen 99 ACP 1967 dan seksyen 43 APCP 1967, taksiran ke atas BNT yang dikemukakan adalah taksiran yang disifatkan di bawah seksyen 91A ACP 1967 / 39A APCP 1967 dan **TIDAK BOLEH DIRAYU** melainkan pembayar cukai tidak bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan di dalam Ketetapan Umum atau pendirian, ketetapan dan amalan KPHDN yang digunakan semasa taksiran dibangkitkan.

4. Pembatalan

Garis Panduan ini membatalkan Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2020 yang telah dikeluarkan pada 6 Mac 2020.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh: 10 Julai 2024